

Dr. M lancar Tabung Wawasan Generasi Felda

24 AUG 2002

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Tabung Wawasan Generasi Felda yang bertujuan menjaga kebajikan dan pembiayaan pendidikan anak-anak peneroka Felda di seluruh negara.

Pelancaran tabung itu diadakan sempena Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda SeMalaysia di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, dekat sini.

Hadir sama pada majlis pelancaran itu ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam, Pengkruksi Felda, Tan Sri Dr. Yusof Noor, Presiden UIA, Tan Sri Sanusi Junid dan Pengerusi Gabungan

Wawasan Generasi Felda, Tan Sri Rozali Ismail.

Lebih 4,000 peserta dari 304 tanah rancangan hadir pada majlis pelancaran tabung berkenaan.

Dalam ucapannya, Rozali berkata, dengan penubuhan tabung itu, anak-anak peneroka Felda yang mengikuti program pendidikan dan latihan di mana-mana institusi dalam atau luar negara akan diberi bantuan.

"Bantuan itu sekali gus dapat mengembangkan projek sosial bagi generasi Felda," katanya.

Tabung itu juga, kata beliau, mampu meningkatkan taraf hidup peneroka seterusnya mengukuhkan perpaduan di kalangan generasi Felda.

Menurutnya, dana tabung itu

akan diperoleh daripada generasi Felda yang berjaya dalam bidang masing-masing untuk membantu generasi pewarisnya dalam bidang pendidikan.

Sehingga kini, katanya, kira-kira 50,000 anak peneroka Felda berjaya menjadi ahli profesional dalam pelbagai bidang seperti peguam, doktor, jurutera dan usahawan.

"Tabung ini adalah perlu kerana kita tidak boleh bergantung kepada kerajaan semata-mata untuk membiayai pendidikan anak-anak peneroka terutama di peringkat pengajian tinggi," katanya.

Rozali memberitahu, selain membiayai anak-anak peneroka yang berjaya, tabung berkenaan

juga berperanan membiayai anak-anak peneroka yang tercicir dalam pelajaran tetapi masih berminat untuk melanjutkan pengajian.

Rozali menarik perhatian, pada masa ini, kira-kira 10,000 anak-anak peneroka sedang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Pada majlis yang sama, tiga keluarga peneroka menerima Anugerah Keluarga Cemerlang daripada Perdana Menteri.

Keluarga tersebut ialah Hashim Ahmad dari Felda Guar Napai, Kubang Pasu, Kedah; Qaridah Abdul Kadir dari Felda Gedangsa, Hulu Selangor, Selangor dan Saaban Sirat dari Felda Taib Andak, Johor.